

Pelbagai pihak sokong teguran Dr Mahathir

BH 19 NOV 2000

PELBAGAI pihak, termasuk ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, menyokong teguran Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya ahli Umno tidak mementingkan diri sendiri, sebaliknya mengutamakan kepentingan parti.

Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, yang bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir itu berkata, segala pelaksanaan undang-undang tidak akan memberi kesan tanpa kesedaran dalam diri individu.

Katanya, sikap dan nilai baik perlu wujud dalam diri ahli Umno untuk sentiasa mengukuhkan parti tanpa mementingkan kepentingan peribadi

"Kita perlu memperkukuhkan nilai peribadi yang baik dalam diri masing-masing. Hanya dengan mengamalkan nilai terpuji ini, barulah wujud semangat perjuangan yang akan terus mempertahankan parti dan bangsa.

"Dalam menerima tenaga muda, semua peringkat ahli perlu sentiasa bekerjasama dan menerima hakikat perjuangan ahli Umno sebelumnya. Jika tidak belum pasti Umno akan relevan pada masa depan," katanya.

Beliau percaya, dengan wujudnya norma dan budaya sihat, segala masalah seperti politik wang

dapat dihindarkan daripada kalangan ahli Umno.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob pula berkata, kesedaran terhadap perjuangan parti diperlukan bagi semua ahli Umno tidak kira di peringkat pemimpin atau akar umbi.

"Sekarang ini, banyak yang diperkatakan mengenai Umno yang sedang menghadapi pelbagai masalah terutama politik wang," katanya.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata, sudah tiba masanya bagi seluruh ahli untuk menggembleng tenaga dalam menguatkan parti itu semula.

"Kalau kita membuat sesuatu atau bertanding mana-mana jawatan, yang perlu difikirkan adalah parti dan bukan untuk kepentingan peribadi," katanya.

Ahli MT, Datuk Shafie Afdal, berkata kekuatan parti bergantung kepada pemimpin dan ahli Umno untuk melaksanakan segala usaha yang diperlukan.

"Kuasa perlu diturunkan kepada pemimpin peringkat akar umbi. Justeru, pemimpin peringkat cawangan juga perlu diberi kuasa terutama dalam menentukan semua orang Melayu yang layak dapat memasuki Umno," katanya.

Shafie yang juga Timbalan Menteri Pertahanan berkata, Umno tidak sepatutnya mempunyai sebarang halangan bagi mana-mana pihak untuk menyertainya.

Pada masa yang sama, beliau berharap ahli Umno memberi peluang kepada pindaan perlembagaan supaya pindaan itu dapat memberi hasil yang baik kepada perjuangan parti.

Sementara itu, Pengerusi Perhubungan Umno Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata penubuhan Puteri Umno tidak menunjukkan pucuk pimpinan melupakan peranan Pergerakan Wanita.

Beliau berkata, Wanita Umno sudah membuktikan kepentingan dan sumbangan mereka kepada parti dan penubuhan entiti baru itu adalah hanya untuk menggalakkan generasi muda menyertainya.

"Penubuhan Puteri Umno bukan bermakna Presiden tidak menghargai sokongan dan peranan Wanita Umno. Bagi Umno, Wanita memainkan peranan yang penting terutama dalam menghadapi pilihan raya.

"Saya sendiri tidak mungkin akan menjadi Menteri Besar dan menang dalam pilihan raya tanpa sokongan Wanita," katanya.